

AMALAN-AMALAN ADAT DI PORT DICKSON

Mohd Rosli Bin Saludin
Tapak Warisan Ulu Gachong
Negeri Sembilan

Mohd Nasir Bin Saludin
Universiti Geomatika Malaysia

Fazurah binti Mustaffa
Fakulti Sains Sosial
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

Corresponding Author's Email: dmohdroslisaludin@gmail.com

Article history:

Received : 7 Oktober 2022

Accepted : 10 November 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang amalan-amalan adat di Port Dickson yang menggunakan teori Tekdealisme yang dijana oleh Mana Sikana. Teori ini mempunyai prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan keunggulan. Dapatan kajian mendapati Port Dickson adalah sebuah tempat yang pernah didiami oleh orang asal dan kemudian datang orang Minangkabau, orang Rawa, orang Siak, Orang Riau dan juga orang Bugis. Zaman kedatangan Inggeris pula telah datang orang Cina dan juga India. Keadaan ini menjadikan Port Dickson ini unik dan pelbagai. Tambahan pada masa lalu Port Dickson kaya dengan minyak, bijih timah dan juga laluan perdagangan. Setiap etnik menonjol di Port Dickson dan kemudian dikuasai oleh orang Bugis dan juga Cina. Etnik lain juga bergerak di Port Dickson tetapi tidak serancak pada zaman awal. Orang Cina pula menonjol ketika penjajahan orang Inggeris. Jadi keunggulan Port Dickson ini adalah pelbagai dan tidak tertakluk kepada Adat Perpatih yang diamalkan. Ia banyak berteras kepada Adat Melayu di Negeri Sembilan. Dalam pada itu, ia juga terkait dengan perjalanan adat di seluruh Negeri Sembilan. Kajian ini sangat berguna kepada semua pihak yang hendak memahami tentang perjalanan amalan-amalan adat di Port Dickson.

Kata kunci: Amalan-Amalan, Adat, Port Dickson

CUSTOMARY PRACTICES IN PORT DICKSON

ABSTRACT

This study is about customary practices in Port Dickson that use Textdealism theory created by Mana Sikana. This theory contains the principles of existence, collision, strengthening and superiority. The research found that Port Dickson is a place that was once inhabited by the

original people before the coming of the Minangkabau people, the Rawa people, the Siak people, the Riau people and the Bugis people. During Western colonialism, people from China and India also came. This situation made Port Dickson unique and diverse. In addition, Port Dickson was rich with oil, tin and also trade routes. Each ethnic group excelled in Port Dickson and was then dominated by the Bugis and the Chinese. Other ethnic groups also moved to Port Dickson but not as many as in the early days. The Chinese had outperformed during the British colonization. Therefore, the success of Port Dickson is varied and not subject to Adat Perpatih (Matrilineal Custom). It is usually based on Malay customs in Negeri Sembilan. Meanwhile, it is also related to the customs throughout Negeri Sembilan. This study is very useful to the people who want to understand the customary practices in Port Dickson.

Keywords: Practices, Customs, Port Dickson

PENGENALAN

Adat ialah hukum hidup dan juga merupakan peraturan yang diamalkan oleh sesebuah komuniti masyarakat yang muncul secara turun-temurun yang wajib dipatuhi dan diamalkan dari satu generasi ke satu generasi yang akan datang. Timbulnya dan wujudnya adat adalah semenjak zaman awal, yakni semenjak sesuatu kawasan itu belum diterokai. Buktinya dapat dilihat melalui pepatah dibawah:

Adat semenda- menyemenda
Jangan hukum tak menghambat
Adat tak menghalang

Bila dilihat tentang adat di Port Dickson ia membawa maksud yang sangat luas dan kompleks. Adat di Port Dickson ini adalah merupakan satu undang-undang yang tidak bertulis. Adat di Port Dickson juga boleh dianggap sebuah undang-undang yang kompleks.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada adat sebenar yang ada di Port Dickson dan ia dikaji sedalam mungkin supaya boleh menimbulkan kefahaman kepada semua pihak tentang adat di Port Dickson.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertitik tolak dari tidak adanya kajian secara tuntas tentang adat di Port Dickson yang sebenar. Kebanyakan kajian banyak memberi tumpuan kepada Adat Perpatih sahaja. Di Negeri Sembilan terdapat pelbagai adat dari etnik lain yang turut memberi sumbangan besar.

BATASAN KAJIAN

Batasan kajian ini tertumpu kepada kepelbagaian dan keunikan adat di Port Dickson itu sendiri yang boleh memperkuatkan bangsa. Di samping itu akan menimbulkan hal ini secara terperinci kerana kajian seperti ini tidak ada sebelum ini.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini boleh memberi sumbangan kepada semua pihak dan mereka akan faham bahawa adat Negeri Sembilan itu pelbagai dan unik dan salah satu penyumbangnya adalah adat di Port Dickson. Apa yang penting dapat membongkar adat-adat etnik asal yang sudah lama ditinggalkan.

TEORI KAJIAN

Kajian ini dibuat menggunakan teori teksdialisme supaya boleh difahami akan kepelbagaiannya dan keunikan adat di Port Dickson dalam memperkuatkan bangsa secara tepat. Juga dapat dilihat bahawa adat di Port Dickson ini bukan adat Minangkabau sahaja. Teksdealisme mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang pelbagai dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya. Setiap teks mempunyai sifat-sifat keunggulannya yang tersendiri. Menyelongkar makna teksdealisme itu sendiri terangkum daripada dua kosa kata ‘teks’ dan ‘idealisme’ menjadi ‘teksdealisme’(Mano Sikana, 2012: 495).

Menyoroti pandangan Mano Sikana dalam Azman Ismail (2001), teori ini sebenarnya tidak menyentuh aspek kreativiti radikal yang mencetuskan penciptaan teori Teksdealisme. Berdasarkan Azman Ismail (2001), Mano Sikana telah melengkapi ciri-ciri sebuah teori sehingga tidak mustahil teksdealisme menjadi sebuah teori yang kuat. Tambahan, Mano Sikana telah ‘mengisi’ teorinya dengan data, hipotesis dan prinsip-prinsip teori yang menggagaskan empat peringkat yang perlu dilalui pengarang antaranya kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Berlandaskan pengisian ini dengan jelas menyatakan teksdealisme mempunyai ciri-ciri keunggulan dari aspek teks, idealisme dan khalayak.

Asas kepengarangan menuju ke peringkat keunggulan ini ialah keberanian. Mano Sikana (1996), percaya bahawa setiap penulis bercita-cita dan berkeinginan untuk berjaya dan mencapai ketinggian tahap dalam bidangnya. Mano Sikana merujuk kepada keberanian yang tinggi boleh mencapai citi-cita. Keberanian merupakan tunjang kepada keupayaan diri seseorang yang bercita-cita tinggi dalam bidang persuratan. Esensi keberanian ini terilham daripada sifat dan *histography* silam Hang Jebat yang mempunyai keberanian menentang raja yang zalim demi menegakkan keberanian. Jelasnya, dalam menyelami lautan konteks kepengarangan, keberanian adalah sifat dan sikap keterbukaan yang dirasionalkan secara kontekstual dan textual sehingga teks dan pengarang menampakkan impak ke atas persepsi, status quo dan sebuah konvensi.

DAPATAN KAJIAN

Adat di Port Dickson mengandungi segala undang-undang dan tatatertib atau lebih baik lagi disebut sebagai sebuah perlombagaan. Adat di Port Dickson dianggap sebagai ‘undang-undang’ atau peraturan itu dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu:

- a) Adat yang sebenarnya adat yang asasi seperti menthabitkan keturunan yang jelas kepada Temenggong.
- b) Adat yang diadatkan iaitu suatu yang disusunkan mengikut muafakatnya kemudian dijadikan adat.
- c) Adat yang teradat iaitu kata muafakat yang telah diadatkan (resam) dan keadaannya berbeza antara satu tempat dengan yang lain.
- d) Adat istiadat iaitu adat-adat resam yang terdapat dalam sesuatu upacara seperti adat istiadat perkahwinan dan amalan hariannya.

(Mohd Rosli Saludin, 2011: 11-13)

Berdasarkan kepada kategori yang dinyatakan, adat yang sebenar adat seperti yang dikatakan sebagai ‘undang-undang’. Sesiapa yang melanggar adat tersebut haruslah menerima hukuman di atas

perbuatannya. Oleh yang demikian dapat dilihat bahawa adat wajib dijadikan panduan dan pegangan hidup. Maka di sini lahirlah pepatah yang berbunyi:

Ibu adat muafakat
Bapa adat berani
Adat yang bersendi hukum
Hukum bersendi Kitabullah
Menghukum adil berkata benar
Tidak ada berpihak-pihak
Hukum adil dijalankan
Nan benar dianjak tidak.

Adat ini juga bermaksud suatu aturan dan cara hidup. Ia mencerminkan segala perbuatan yang adakalanya dilakukan setiap hari ataupun musim sama ada berpandukan bulan atau tahun. Itu ialah perkara yang selalu difahami khalayak berkenaan dengan adat. Suatu perkataan yang sinonim dengan adat ialah budaya. Walaupun dari aspek bunyinya ia berbeza, tetapi dari segi pengertiannya, ia adalah konsep yang saling bergantung dan sama. Adat yang ditafsirkan tadi adalah cara hidup iaitu tingkah laku, kepercayaan dan sebagainya. Adat adalah bersifat maya iaitu tidak dapat dilihat. Ia timbul daripada suatu pemikiran berkenaan cara hidup dan tidak dizahirkan. Apabila ia dizahirkan dan dapat dilihat perlaksanaannya, misalnya kita melihat adat bercukur, adat bersanding dan sebagainya, itu sudah menjadi suatu budaya. Maknanya, budaya ialah suatu bentuk perlakuan yang mencerminkan adat sesuatu masyarakat itu.

Adat dan budaya adalah dua entiti yang terlalu berkait sifatnya, kita pada hari ini selesa menjadikan adat dan budaya itu sebagai satu benda yang sama. Yang berbeza cuma cara sebutannya. Budaya yang difahami dan dilihat, hakikatnya ialah adat. Budaya bersifat tidak tetap iaitu boleh berubah, Justeru wujud pengelasan budaya tradisional dan budaya moden, ini menunjukkan budaya lama dan budaya hari ini tidak sama, maka ia jelaslah boleh berubah. Adat pula ialah suatu ketetapan yang tidak boleh berubah, oleh itu bolehlah kita katakan adat sebagai budaya yang asal.

Justeru, apabila membicarakan kepelbagai dan keunikan adat di Port Dickson yang boleh memperkuatkan bangsa pada hari ini, ia merujuk kepada kepentingan budaya asal yang diubah untuk dijadikan budaya bersama rakyat Negeri Sembilan bagi mewujudkan identiti dan peribadi rakyat majmuk yang bersifat seragam. Masyarakat Negeri Sembilan ialah suatu masyarakat yang bersifat majmuk dan pelbagai. Ia juga disebut sebagai masyarakat Jawi iaitu masyarakat yang bercampur dari pelbagai latar belakang. Maka dengan itu, setiap bangsa atau ras di dalam sistem sosial Negeri Sembilan mempunyai perbezaan satu sama lain dari segi latar belakangnya. Tidak terkecuali berbeza dari segi adat dan budaya. Hal ini mempengaruhi keputusan yang telah dicapai tentang identiti Negeri Sembilan yang memerlukan perincian yang lebih dalam supaya dapatannya lebih tepat. Contohnya: Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 19 November 1997 telah mewujudkan identiti Negeri Sembilan merangkumi rakyat jelata, jabatan kerajaan, agensi kerajaan, syarikat swasta, hotel, persatuan, peniaga dan lain-lain. Identiti itu ialah:

1. Adat: Adat Perpatih
2. Bangunan: Rumah tradisional Berbumbung lentik
3. Bunga: Bunga Tanjung
4. Haiwan: Kerbau
5. Juadah: Lemang
6. Kuih-muih: pengangan dan cucur
7. Lagu: Bongai
8. Lambang: Istana Seri Menanti
9. Masakan: Masak Lemak Lado Api
10. Minuman: Air Jando Pulang
11. Muzik: Caklempong dan Tumbuk Kalang
12. Pakaian: Baju Melayu (Lelaki) Baju Kurung (perempuan)
13. Permainan: Dam Melayu
14. Senjata: Cangai Puteri
15. Tarian: Endang

16. Produk Kraftangan: Buluh dan Rotan
17. Buah tangan/'Hamper': Produk-produk kuih tradisional Negeri Sembilan dan Digalakkan di isi dalam bekas rotan/buluh.

Keputusan tentang pengukuhan identiti Negeri Sembilan di atas perlu di bahaskan lagi agar tidak timbul kontroversi pada masa hadapan. Ini kerana adat di Negeri Sembilan dilihat dari sistem nilai yang berbeza. Martabat adat itu sendiri berbeza kedudukannya bagi masyarakat Negeri Sembilan pada hari ini. Bagi masyarakat di Port Dickson ini, adat dianggap sebagai sebuah tradisi lisan yang tinggi sekali martabatnya dalam kehidupan mereka. Adat dalam konteks mereka bukan sekadar cara bersanding, cara menyantap hidangan makanan, cara pertabalan Luak dan sebagainya, tetapi adat ialah suatu peraturan hidup yang perlu dipegang kuat oleh generasi mereka sehingga ke hari ini. Begitu juga dengan lain-lain kaum di Negeri Sembilan, aspek pengukuhan adat masih lagi dianggap sebagai suatu pengungkap identiti bangsa dan terus dipertahankan walaupun ia sudah banyak berubah jika dibandingkan dengan perlaksanaannya suatu ketika dahulu.

KEPELBAGAIAN DAN KEUNIKAN ADAT DI PORT DICKSON MEMPERKUATKAN BANGSA

Dalam membincarkan fokus artikel ini iaitu kepelbagaian dan keunikan adat Negeri Sembilan memperkuatkan bangsa bahawa kepentingan aspek adat boleh menjadi penyatu bagi mewujudkan pengukuhan peribadi dan keunggulan identiti kebangsaan. Dalam merealisasikan hal ini, kita seharusnya mengetahui dahulu berkenaan aspek adat yang menjadi identiti masyarakat yang pelbagai di Negeri Sembilan. Bagi maksud itu, dalam bahagian ini kita akan melihat aspek adat yang mencerminkan identiti tiga kaum utama di Negeri Sembilan iaitu Melayu, Cina dan India. Teras adat Negeri Sembilan adalah adat Orang Asal, adat Minangkabau, adat Siak dan Kampar dan adat Rawo. Diperkuahkan lagi dengan adat etnik Mandailing, adat Bugis, adat Jawa, adat Banjar, adat Bangkahulu, adat Orang China dan adat Orang India.

Masyarakat Melayu ialah masyarakat asal di Tanah Melayu. Walaupun ada sesetengah sejarawan khususnya sejarawan Barat era kolonial mendakwa masyarakat Melayu juga masyarakat pendatang, namun ia dapat dinafikan dengan mengetengahkan konsep merantau yang menjadi amalan masyarakat Melayu di Nusantara ketika itu. Merantau dalam konteks Pentas Sunda dan mereka bergerak dalam halaman mereka sahaja dan perantauan ini tidak boleh dikatakan datang dari luar. Jadi di Port Dickson adatnya banyak terserlah di Lukut dan juga di Linggi, tapi di kawasan bandar Port Dickson sudah ada campuran dan itu yang menjadikan ianya unik dan pelbagai.

Bercakap berkenaan adat di dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan termasuk Port Dickson ramai sarjana mengatakan bahawa adat Melayu Negeri Sembilan merupakan adat jawi iaitu adat yang bercampur. Ini sesuai dengan pemahaman kita berkenaan proses pembentukan Melayu itu sendiri yang merupakan cantuman ras-ras kecil yang beragama Islam, maka wujudlah apa yang dipanggil Melayu. Terdapat konsep Melayu Proto dan Melayu Deutro. Melayu Proto adalah orang asal di tempat tersebut dan Melayu Deutro adalah orang yang merantau dalam pentas yang sama yang dipanggil sebagai Pentas Sunda. Ini menunjukkan pelbagai percampuran dalam pembinaan adat Melayu Negeri Sembilan. Dalam soal pembinaan adat Melayu Negeri Sembilan, dapat melihat tiga bentuk pengaruh yang besar dalam proses pembinaan adat Melayu. Pertamanya ialah adat Orang Asal, yang kedua ialah adat yang dipengaruhi zaman Orang Asal dan Islam, yang ketiga ialah adat yang berteraskan Islam.

Adat Melayu Port Dickson yang awal adalah adat Orang Asal yang sudah diamalkan sekian lamanya. Adat ini merangkumi dari sejak lahir sehingga kepada adat kematian. Contohnya adat kelahiran mereka masih di monopoli oleh bidan untuk menyambut kelahiran bayi. Wujud banyak persamaan dengan Melayu yang merantau di Negeri Sembilan. Ada di antara adat-adat d'Orang Asal ini masih diamalkan sehingga ke hari ini. Pastinya kita pernah melihat upacara persandingan di dalam majlis-majlis perkahwinan masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Ini merupakan salah satu contoh adat-adat Orang Asal yang ditiru oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan dahulu. Contohnya penggunaan daun sepuleh, ati-ati, sedingin dan beras basuh yang sudah popular sejak dari zaman Orang Asal.

Di Port Dickson juga telah dimulai oleh Orang Asli atau asal itu sendiri. Suku Orang Asli di Port Dickson ialah kebanyakannya dari Suku Orang Kubu dari Sumatera. Asal nenek moyangnya ialah Kecik Wok Gedang Wok yang mendiami kawasan Dataran Tinggi Sumatera Bukit Barisan. Di Port Dickson mereka tinggal di Kampung Orang Asli Bukit Kepong Pasir Panjang dan di Sunggala. Di kawasan lain di lihat Salasilah Batin Guntor Ulu Jempol dan telah disusun pada 3 Februari 1982 oleh Batin Ibrahim bin Amin. Dapatan ini, jelas menunjukkan keunggulan nama-nama yang ada banyak pengaruh Negeri sembilan asal dan tidak ada pengaruh dari Minangkabau. Nama-nama yang ada benar-benar klasik dan menarik *sejajar dengan alam terkembang sebagai guru*. Nama yang ada seperti Jenang Belukang, Tok Neneh Moyang Relung, Batin Pak Sudom Durai, Jenang Dais, Tok Moyang Bubah, Tok Batin Sedeh, Pintis, Endot, Rabun, Joman, Isam, Jakun, Kulup Tansekalimui, Sialang Putih Rompong, Batin Rendang, Sendek, Saan, Sarok, Dirah, Kino, Lumut, Longot, Kampong, Resah, UWok, Lember, Sialang Putih Potok, Kompot, Lidor Bt Sidek, Sorat Bt Temenggong, Kancil Bin Temenggong, Batin Layar Bin Temenggong, Sialang Putih Maisen Bin Maali, Banun Bin Haji Wahid, Dombin Bt Sali, Sialang Putih Tumpat, Kisar, Gonto Bt Kamat, Ujang Bin Burok, Lahadi Bin Samat, Arah Bt Hamzah, Imbam Bt Amin, Kaseh Bt Md Dom, Kuatdah Bt Saam, Samah Bin Taam, Che Vam Bt Samat, Che Pah Bt Samat, Benah Bt Samat dan Khalip Bin Samat (Batin Ibrahim Bin Amin. 1982. Salasilah Batin Guntor Ulu Jempol Negeri Sembilan). Di Port Dickson juga banyak pengaruh Melaka, Riau dan juga Rawo.

Tegasnya di sini orang Melayu asal Negeri Sembilan dan Orang Asli Negeri Sembilan adalah datangnya dari rumpun yang sama dan yang membezakan mereka adalah dari segi ekonomi, kebudayaan, politik, agama dan bahasa. Jadi boleh kita katakan di sini penduduk asal Negeri Sembilan adalah orang Melayu asal Negeri Sembilan dan juga Orang Asli dan yang lainnya adalah datang dari Minangkabau dan juga Siak. Adat di Negeri Sembilan adalah pelbagai iaitu Adat Melayu, Adat Orang Asli, Adat Siak, Adat Minangkabau dan juga Adat Etnik lain yang berhijrah ke Negeri Sembilan, contohnya adat Bugis yang ada di Linggi. Oleh sebab itu, gelaran Adat Perpatih sahaja yang digunakan di Negeri Sembilan adalah tidak tepat. Jika Adat Perpatih sahaja ia cenderung kepada Minangkabau dan sepatutnya mulai hari ini kita sebut sebagai Adat Negeri Sembilan kerana ia lebih menyeluruh. Di Port Dickson pula banyak pengaruh Riau, Bugis dan juga Rawo dan ada juga peninggalan adat Orang Asli dan juga Melaka.

Di Port Dickson terdapat masyarakat Riau, Rawo, Bugis dan asli. Suku yang ada di Negeri Sembilan juga sebenarnya ada berbagai contohnya suku Melayu, Orang Asli, Biduanda, Seri Lemak, Semelenggang, Batu Hampar, Tanah Datar, Tiga Batu, Tiga Neneh, Anak Melaka, Batu Belang, Paya Kumbuh, Anak Aceh, Mungkal, Toman (Hamba Yang Disuruh), Telang dan suku dari etnik lain yang telah berhijrah ke Negeri Sembilan. Kita juga perlu renungkan pendapat dan rumusan yang pernah dibuat oleh Wan Hashim Wan Teh dalam mencari soal Melayu ini. Pendapat ini juga boleh kita kaitkan dengan Sejarah Negeri Sembilan dan Adatnya. Sepatutnya pendapat ini diperbahaskan lagi untuk mencari kebenaran yang lebih tepat. Menurut beliau:

- i) Manusia kuno telah wujud di Alam Melayu ini di antara 3 juta tahun sehingga 40,000 tahun yang lalu. Manusia kuno ini dipercayai manusia pra-Adam iaitu bukan dari keturunan Adam) yang mempunyai keupayaan yang terhad untuk menghasilkan reka cipta dan menempa kemajuan dalam kehidupan mereka seperti yang mampu dilakukan oleh manusia moden (keturunan Nabi Adam).
- ii) Manusia moden yang wujud sejak kira-kira 35,000 tahun dahulu mempunyai kesempurnaan dari segi fizikal dan keupayaan menggunakan mindanya untuk berdaya cipta serta kemudiannya menempa pencapaian yang tinggi dalam pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sains dan teknologi.
- iii) Hasil cari gali arkeologi telah mengemukakan bukti bahawa sebelum tenggelamnya Pentas Sunda di peringkat akhir zaman air batu kira-kira 10,000 SM, telah wujud manusia di Alam Melayu ini yang hidup bermasyarakat dan yang tergolong ke dalam kategori manusia moden atau manusia keturunan Adam. (Wan Hashim Wan Teh,2008: 15)

Ada pendapat mengatakan sejak dari zaman purbakala Port Dickson dan Negeri Sembilan mula diperintaha oleh orang-orang daripada tanah Arab iaitu Badui yang turun ke Indochina dan dipanggil oleh orang-orang Indochina dengan nama suku Biduanda dan dari Indochina datang ke Negeri Sembilan. Apabila Negeri Sembilan telah mempunyai ramai penduduk barulah dilantik raja,

undang dan lembaga. Rajanya bergelar Dato' Batin, Penghulunya bergelar Dato' Jenang dan lembaganya Dato' Majakerah. Adat dan undang-undangnya dipakai dengan salasilah dan pemerintahannya dalam Negeri Sembilan berzaman-zaman lamanya (Abu Chik Mat Sarom, 1962: 22).

Pemujaan Raja secara melebih-lebih dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan suatu ketika dahulu juga merupakan cerminan kepada pengaruh Orang Asal dalam masyarakat Melayu bahkan perkataan "Raja" itu sendiri pun sudah memperlihatkan pengaruh Orang Asal yang tebal. Dalam masyarakat Orang Asal Batin adalah diibaratkan seperti raja dan Batin juga adalah sumber rujukan undang-undang dalam masyarakat Orang Asal. Begitu juga dari aspek pertabalan dan adat istiadat Istana Melayu Negeri Sembilan, terlihat lagi kekuatan pengaruh Orang Asal dalam mencorakkan adat Melayu itu. Dalam hal ini Dato' Undang adalah mewakili bagi pihak Orang Asal ini. Malahan pada zaman awal Orang Asal ini sering dijemput ke istana bila diadakan pelbagai adat istiadat.

Orang Asal awal di Negeri Sembilan mengamalkan kepercayaan animisma dan percaya kepada alam sekitar yang boleh membawa mudarat. Mereka juga mempunyai adat dan kepercayaannya tersendiri dan sebahagian besar mereka mengikuti sistem kepercayaan kepada 'roh' atau animisma. Bagi masyarakat Orang Asli, sistem kepercayaan yang ada dalam masyarakat merupakan satu alat untuk mengawal masyarakat dan menghukumnya. Kehidupan mereka ini dipengaruhi oleh alam sekitar seperti gunung, bukit, lembah, sungai, batu, gua dan sebagainya. Mereka percaya kampung mereka akan dilanda bencana sekiranya ada di antara mereka yang melanggar pantang larang.

Pemilihan penempatan dilakukan dengan cara 'Berhalaq' (jampi) atau mimpi. Tempat yang hendak didiami jauh dari tanah perkuburan, bebas daripada adanya kayu keras seperti 'merbau' dan sebagainya. Mereka juga tidak membuat penempatan di kawasan berpaya (takungan air) kerana ditakuti berpenunggu. Begitu juga kawasan air terjun dan sungai besar juga tidak sesuai kerana ditakuti ada puteri sungai/lata yang akan mengganggu.

Selain pantang larang ini diamalkan oleh kaum orang Asal, para pengunjung atau tetamu yang berkunjung ke rumah Orang Asal, hendaklah menghormati adat-adat dan kepercayaan mereka seperti tidak boleh naik sebelum dipelawa dan dilarang mengunjungi atau memanggil nama tuan rumah yang mempunyai daun-daun yang bergantung di hadapan pintu. Menurut mereka, gantungan daun tersebut menandakan orang sakit atau sedang berubat secara tradisional di dalam rumah tersebut. Pengunjung juga tidak boleh menghampiri kanak-kanak kecil kerana tindakan itu boleh menghilangkan semangat mereka dan akhirnya boleh menyebabkan kematian. Malah mereka tidak boleh memuji kecantikan seorang kanak-kanak dengan pujian nama comel, gemuk, putih, gebu dan sebagainya.

Selain daripada itu, tetamu juga tidak boleh membuat sebarang janji yang dirasakan mungkin tidak boleh menuaikannya. Menurut kepercayaan mereka, orang yang menunggu janji yang tidak ditunaikan akan ditimpa kemalangan atau sakit. Pengunjung juga tidak boleh memberi hadiah secara terus kepada seseorang wanita Orang Asal yang tidak dikenali dan hanya boleh diberikan melalui orang ketiga, iaitu batin, penghulu, bapa atau abang. Para pengunjung juga tidak boleh menunjukkan atau bersikap sebagai pegawai, tidak boleh mengambil balik lebih makanan yang disediakan di kampung tersebut, tidak boleh meludah di sebarangan tempat, tidak boleh mengintip atau mengintai-intai rumah, tidak boleh berdebat atau berbahas sesuatu masalah dan tidak menggunakan istilah yang menyinggung perasaan seperti 'sakai'. Mereka juga dilarang membuat perbandingan antara satu kampung dengan satu kampung yang lain dan tidak boleh memetik buah-buahan mereka secara sesuka hati seperti memetik sebijji rambutan, jambu dan lain-lain untuk dimakan sebagai percubaan.

Sikap dan perkara yang perlu diambil perhatian apabila berada di perkampungan Orang Asal, ialah memberitahu terlebih dahulu akan kehadiran pelawat melalui orang tengah, meminta izin sebelum naik ke rumah jika dipelawa naik, meminta izin penghulu atau batin untuk membuat sesuatu kegiatan yang melibatkannya, menerima dan menghargai pemberian walaupun pada hemat pelawat pemberian itu tidak perlu, tidak mengkritik atau mentertawakan sebarang adat atau kebiasaan yang mereka lakukan, berusaha menguasai bahasa mereka, menyertai kegiatan masyarakat yang diadakan dan berusaha memberi sebarang pertolongan yang diperlukan. Pengunjung hendaklah menerima makanan dan minuman yang disediakan dan jika terpaksa menolak disebabkan tidak halal dan sebagainya, boleh menolak dengan istilah yang halus seperti 'pantang' dan sebagainya.

Makanan bagi masyarakat Orang Asal Temuan dan asli pesisir khasnya adalah sama seperti orang asli dari suku-suku yang lain. Hal ini demikian kerana kedudukan topografi mereka yang tinggal di kawasan hutan dan persekitaran semulajadi di muka bumi ini. Antara makanan tersebut ialah, ubi-ubi liar (ubi kapur, ubi tanjung), binatang buruan dan ikan, juga sayuran herba. Kesemuanya ini dapat meningkatkan kecergasan dan membantu meningkatkan kadar vitamin dalam tubuh. Justeru, sumber makanan yang diperoleh semuanya bersumberkan dari hasil hutan yang begitu banyak, sama ada untuk kegunaan harian, perubatan, juga dikomersialkan sebagaimana sekarang.

Malah peralatan memasak seperti senduk, bekas beras dan pinggan mangkuk juga turut menggunakan sumber-sumber hutan. Proses memungut dan memburu hasil hutan ini juga sangat unik kerana, mereka menggunakan peralatan memburu dan perangkap yang begitu efektif dan berkesan seperti, jerat tupai dan perangkap serkap. Peralatan memasak utama adalah buluh. Buluh yang berbeza digunakan untuk fungsi masakan yang berbeza. Misalnya, ada buluh untuk memasak ubi kayu, buluh untuk memasak ikan, dan buluh untuk mengisi air dan sebagainya.

Selain menikmati makanan dari sumber hutan untuk meneruskan kelangsungan hidup, makanan perubatan dari sumber hutan turut juga dimanfaatkan oleh orang Asal suku Temuan seperti Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Pokok Gajah Beranak, Pisang Hutan dan pelbagai lagi. Makanan mereka juga dimasak dengan cara yang unik sekali, antaranya dengan menggabungkan nasi dan hasil buruan seperti ikan di dalam buluh yang sama dan dibakar. Hal ini akan menambahkan lagi keenakan dan kelazatan makanan dari perisa asli yang digabungkan. Malah resipi dan cara masakan mereka yang unik ini disebar luaskan, antaranya seperti Ayam dalam Buluh, Ikan Pais dan Pulut dalam Periuk Kera.

Apa yang dapat disimpulkan dari zaman awal masyarakat Orang Asal Temuan dan Asli Pesisir ini antaranya ialah, pemerolehan ilmu yang tinggi. Masyarakat orang Asal bukanlah satu kaum yang perlu ditakuti untuk didekati, malah mereka begitu ramah dan sangat terbuka berkongsi budaya dan tradisi mereka. Tuntasnya, kewujudan masyarakat Orang Asal ini perlu diketahui umum, kerana masih ramai lagi yang kurang senang mendekati mereka. Budaya dan tradisi mereka hampir sama dengan Melayu, namun ia begitu unik.

Peringkat yang kedua ialah pengaruh unsur campuran Orang Asal dan Islam. Pada zaman ini Islam sudah datang ke Nusantara dan majoriti orang Melayu pun sudah beragama Islam. Kedatangan Melayu Deutro dari kawasan Pentas Sunda telah menyebabkan berlaku percampuran, asimilasi dan penyesuaian. Melayu Deutro yang merantau dari Pentas Sunda ini telah berkahwin dengan anak-anak gadis orang Asal ini. Perkahwinan peringkat awal adalah di peringkat atasan dan peringkat berikutnya adalah rakyat dengan rakyat. Namun pengaruh adat lama masih diamalkan. Justeru zaman ini digelar zaman campuran adat Orang Asal dan Islam dalam masyarakat Melayu. Pada zaman ini, walaupun masyarakat Melayu sudah Islam, namun mereka mengamalkan adat-adat yang dianggap menyimpang dari ajaran Islam. Sebagai contoh masyarakat Melayu mengamalkan adat mandi Safar yang dianggap sebagai suatu usaha untuk membuang sial bulan Safar dalam kehidupan mereka. Ia jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang menganggap perbuatan itu sebagai khurafat. Begitu juga adat puja kampung, puja pantai dan sebagainya. Ia jelas bertentangan dengan Islam, tetapi tetap diamalkan dengan meluas di dalam masyarakat Melayu yang masih tebal dengan pengaruh adat Orang Asal ketika itu. Pantang larang yang berlaku seperti orang Asal ini dalam masyarakat Melayu masih lagi berjalan. Apa yang dapat kita lihat di sini ialah kedatangan adat yang dibawa oleh perantau dari Pentas Sunda yang lain telah menyebabkan berlakunya perlanggaran dengan adat Orang Asal yang ada di Negeri Sembilan. Perlanggaran ini telah menyebabkan wujud sesuatu yang baru dan berlakulah penyesuaian. Setiap adat tersebut akan saling mempengaruhi. Akhirnya wujud sesuatu yang benar-benar berwajahkan tempatan. Bila diamalkan secara konsisten dan disepakukan dengan Islam dan ini telah menyebabkan adat yang berwajah tempatan tersebut bersifat unggul serta unik. Sesuatu etnik tidak boleh mengatakan adat tersebut seluruhnya kepunyaan entiknya sendiri. Bila tempat yang baru amalkan maka berlakulah pertikaian atau dikatakan mencuri adat dan budaya orang lain.

Adat di Port Dickson dan Negeri Sembilan itu pelbagai dan unik dan ia bukan berdasarkan monopoli adat dan budaya sesuatu etnik sahaja. Adat di Port Dickson dan Negeri Sembilan ini ada jati dirinya sendiri. Ibarat kita mengambil bunga dari jiran sebelah dan bunga itu diambil dalam bentuk dahan dan daunnya. Bila balik ke rumah kita akan tanam di pasu kita sendiri dan juga tanah kita sendiri. Dibela, disiram dan dibelai setiap hari. Bila hidup subur dikahwinkan menjadi warna daun dan bunga yang pelbagai bunga tersebut menjadi kegilaan orang bila melihatnya. Ramai yang terpikat untuk

belajar menanam dan membelinya. Jiran sebelah datang dan juga terpesona dengan bunga tersebut dan ia faham bunga itu bukan haknya kerana sudah berubah dari bentuk asal dan cuma tinggal sejarah sahaja bahawa bunga itu pernah diambil dari rumahnya.

Begitu juga hasil pertembungan Orang Asal dengan Melayu Deutro yang telah beragama Islam ini maka wujud persamaan dalam adat dan juga budaya. Bagi masyarakat Orang Asal, adat resam semasa hamil juga amat dititik beratkan, seperti juga adat-adat berkaitan aspek kehidupan yang lain. Terdapat sedikit persamaan dengan adat resam masyarakat Melayu terutamanya dalam beberapa adat kelahiran tertentu di kalangan masyarakat Orang Asal dari suku kaum Melayu Asli. Berikut dipaparkan adat resam kelahiran yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asal secara ringkas yang merangkumi peringkat sekawtu mengandung, semasa bersalin dan selepas lahir secara ringkas.

Di kalangan masyarakat Orang Asal wanita yang mengandung akan menempah seorang bidan yang akan membantu wanita berkenaan ketika bersalin. Ketika kandungan berusia tujuh bulan, bidan yang dipilih itu perlu melakukan upacara melenggang perut. Upacara itu akan dijalankan oleh mak bidan yang akan menjampi wanita yang mengandung itu bertujuan untuk mengusir sebarang semangat jahat dan gangguan lain bagi menjamin keselamatan ibu serta bayi. Di samping itu, adat ini juga penting untuk menentukan kandungan berada di kedudukan yang betul agar memudahkan proses bersalin kelak. Kelazimannya adat ini akan disertai dengan sedikit jamuan makan.

Selain adat tersebut, terdapat beberapa perkara yang perlu dihindari oleh wanita mengandung dan berikut adalah beberapa pantang larang yang masih diamalkan oleh masyarakat Orang Asal. Wanita mengandung tidak boleh mentertawakan binatang seperti monyet kerana dikhuatiri muka dan perlakuan bayi akan menyamai haiwan berkenaan. Mereka dilarang memakan ikan yang berwarna merah kerana dikhuatiri berlakunya tumpah darah ketika melahirkan bayi. Wanita mengandung juga dilarang bekerja pada waktu subuh dan maghrib kerana dikhuatiri bayi yang lahir akan kelihatan tidak bermaya kerana semangatnya telah terganggu. Mereka dilarang mengetuk paku pada kayu di sebelah petang kerana dikhuatiri bayi atau ibu akan sakit atau mati. Semua yang di perkatakan tadi mempunyai banyak persamaannya dengan orang Melayu.

Pengaruh unsur luar yang ketiga di dalam masyarakat Melayu ialah pengaruh Islam iaitu pengaruh yang paling kuat sekali dalam kebudayaan dan adat Negeri Sembilan. Bagi masyarakat Negeri Sembilan, adat ialah kepatuhan yang kedua selepas agama mereka iaitu Islam. Kepatuhan kuat orang Melayu kepada agama Islam diakui oleh Prof. Syed Naquib Al-Attas yang mengatakan Islam telah mentamadunkan masyarakat Melayu. Perlembagaan Malaysia sendiri telah mendefinisikan Melayu sebagai mereka yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Ini menunjukkan betapa kuatnya Islam di dalam hidup orang Melayu.

Pengaruh etnik Rawo yang telah beragama Islam terhadap Port Dickson dan Negeri Sembilan terutama dari segi adat dan budaya, banyak yang tidak dikupas secara mendalam. Walaupun dikatakan orang Rawo keluar dari Seri Menanti selepas peristiwa pertentangan dengan Dato' Siamang Gagap, orang orang Rawo sebenarnya bukan semuanya lari berpindah ke tempat lain, terutama ke Lenggeng dan Semenyih serta Kajang. Masih ramai yang ada di Seri Menanti terutama orang-orang Rawo yang telah dapat menyesuaikan dirinya dengan penduduk tempatan dan juga dengan orang-orang Minangkabau yang telah berada di Seri Menanti. Menurut Tuan Haji Ramli bin Rawi yang berumur 85 tahun yang juga berketurunan Rawo mengatakan ramai orang-orang Rawo yang masih menetap di Negeri Sembilan selepas peristiwa itu. Mereka yang menetap ini dapat hidup bersama dengan orang Minangkabau dan juga penduduk tempatan. Ramai yang telah berkahwin dengan penduduk tempatan dan ada yang sudah mengubah identiti demi keselamatan diri masing-masing. Akan tetapi di Port Dickson Orang Rawo ini tidak serasi dengan Orang Bugis.

Mereka juga selesa mengikut adat dan budaya orang tempatan Negeri Sembilan. Orang – orang Rawo awal yang datang adalah Raja Abdullah yang pergi ke Temerluh, Raja Fatimah ke Muar dan Raja Ali ke Pahang. Raja Fatimah yang datang ke Muara tadi adalah berdekatan dengan Seri Menanti dan letaknya dalam Luak Tanah Mengandung. Kebanyakan mereka yang datang dari Sumatera pada ketika itu berhijrah dan membawa diri kelompok masing-masing. Di Negeri Sembilan mereka banyak membina pertempatan di sepanjang sungai. Kedatangan mereka penuh dengan pengalaman dan liku- liku hidup di tanah Sumatera, terutama pengalaman berperang dengan penjajah Belanda.

Tuan Haji Ramli bin Rawi adalah satu-satunya orang Rawa yang berpengaruh yang masih ada di Bandar Diraja Seri Menanti. Tempat bersejarah orang Rawi terutama ketika pertembungan dengan Dato' Siamang Gagap. Beliau adalah anak jati Seri Menanti dan ayahnya bernama Tuan Haji Rawi bin Haji Kassim. Juga banyak berjasa di Seri Menanti terutama dalam memperkembangkan perniagaan di Seri Menanti suatu ketika dahulu.

Moyangnya ada di Temerloh suatu ketika dahulu dan tapak rumah moyangnya telah dibuat Sekolah Menengah Tun Hamzah. Tuan Haji Ramli bin Rawi berkata keturunannya yang paling atas adalah keluarga diraja, tetapi demi keselamatan perkara itu dipendamkan sampai hari ini. Hubungan awal adalah di antara Rawa Semenyih, Raub dan juga Negeri Sembilan. Baginya orang Rawa ini begitu kuat pegangan agamanya. Contoh arwah ayahnya meninggal pada pukul 3 pagi dan pukul 10 pagi telah dikebumikan. Mereka tidak mahu menyeksakan mayat yang ada. Paling menarik orang-orang Rawa ini mesti sampai ke tahap umur 90 tahun ke atas kerana mereka ini kaya dengan petua dan juga pengalaman untuk menjaga kesihatan diri. Baginya orang-orang Rawa ini perlu keluar merantau terutama untuk mencari pengalaman yang berharga dan juga mesti panjang akal, kreatif dan berani menghadapi cabaran yang mendatang. Kata pepatah orang Rawa Negeri Sembilan:

Selam di air cakau buaya dahulu
Piuhhan matonyo baru cari ikan

Di Port Dickson juga masih mengamalkan adat yang sama dengan orang Rawa. Contohnya adat pijak tanah. Tanah diletakkan di dalam panta dan suruh anak kecil tersebut pijak tanah dalam panta tersebut dan selepas itu baru boleh memijak tanah. Di samping itu di sesah sedikit dengan daun serengan dan berdoa supaya anak tersebut boleh cepat berjalan. Adat ini masih diamalkan oleh kerabat Diraja dan juga orang kebanyakan yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat. Ada juga dijalankan adat memberi gelar terutama kepada yang lepas berkahwin. Antara gelarannya ialah malin, mail gedempung, talib jeng dan banyak lagi. Gelaran ini memeriahkan lagi suasana kehidupan masyarakat Rawa Port Dickson, Negeri Sembilan dan juga Pahang. Dahulu hubungan Rawa Raub, Port Dickson dan Negeri Sembilan terutama ketika kenduri kahwin. Biasanya kenduri ini dibuat selepas menuai dan ini sudah semestinya punya masa yang panjang untuk mengajak saudara mara walaupun jauh.

Kenduri-kenduri lain seperti upacara berkhatan dan juga bertamat, juga saling mengajak di antara Rawa Raub dan juga Rawa Negeri Sembilan. Hubungan persaudaraan masih lagi kukuh dan juga rapat. Tiada jurang di antara satu dengan yang lain. Setiap kerja yang dibuat adalah secara teratur dan tiada kerja yang tidak siap. Mereka tidak mahu seperti kata pepatah rawa di bawah:

Pelembang yang tak jatuh
Bengkalai yang tak sudah

Jika dilihat dalam konteks dahulu Semenyih adalah dalam Negeri Sembilan dan telah masuk dalam Selangor semasa Britisih. Di sana ketua adatnya adalah Tok Ompek dan hampir sama kerjanya dengan Buapak dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Orang Rawa di Seri Menanti Negeri Sembilan mempunyai hubungan rapat juga dengan Gopeng, Sungai Ruan Pahang, Dong dan juga Gali dan juga Port Dickson. Hubungan mereka dengan Negeri Sembilan adalah melalui Sungai Muar yang juga melalui penarikan Jempol dan terus masuk ke Sungai Pahang. Apa yang ingin dijelaskan di sini ialah betapa pentingnya agama Islam kepada orang Melayu. Kerana kepentingan itu, pada zaman pengaruh Islam yang kuat ini, masyarakat Melayu menjadikan Islam sebagai teras kepada pembentukan adatnya. Adat-adat yang bertentangan dengan ajaran Islam semakin tidak popular dalam kalangan masyarakat Melayu Port Dickson dan Negeri Sembilan dan semakin dikurangkan penggunaannya. Namun pada zaman Islam ini, adat-adat lampau yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam tetap diteruskan pengamalannya. Terasnya ialah adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah.

Adat-adat Melayu yang bercirikan Islam di Port Dickson merangkumi adat ketika seseorang dilahirkan, seseorang meningkat remaja, dewasa, adat dalam kehidupan sehari-hari dan adat ketika seseorang itu meninggal dunia. Adat-adat yang diamalkan ini sebenarnya merupakan apa yang disebut sebagai perkara sunat di dalam ajaran Islam. Sebagai petunjuk kepada pengaruh Islam di dalam adat Melayu ialah adat ketika seseorang itu baru dilahirkan. Antaranya ialah adat bercukur, melaungkan

azan dan iqamat ke telinga bayi dan adat membelah mulut. Bercukur ialah perbuatan mencukur rambut asal bayi sehingga botak, ianya biasa diadakan pada hari-hari ganjil seperti hari ketiga, ketujuh, kesembilan dan seterusnya. Bercukur bertujuan membuang rambut asal bayi yang dianggap kotor dan tidak akan tumbuh dengan baik. Ia sesuai dengan ajaran Islam yang mementingkan aspek kebersihan dan kesihatan.

Azan dan Iqamat pula merupakan tuntutan Islam untuk memulakan pendengaran seseorang yang baru dilahirkan itu dengan kalimat-kalimat yang mulia. Ada juga golongan tua Melayu mengatakan ianya merupakan simbolik kepada singkatnya hidup di dunia ini iaitu sesingkat masa yang diambil antara iqamat dan solat yang akan didirikan. Ketika dilahirkan kita di azan dan diiqamatkan, dan apabila kita meninggal dunia, kita disolatkan dengan solat jenazah.

Adat membelah mulut pula menjadi tradisi masyarakat Melayu dengan melalukan manisan ke bibir bayi yang baru dilahirkan. Adakalanya juga digunakan emas bagi maksud itu. Adat membelah mulut ini biasanya dilaksanakan oleh orang-orang yang dianggap alim oleh masyarakat. Ada masalahnya, ia juga dilakukan oleh bidan yang menyambut kelahiran bayi itu. Ia bertujuan supaya bayi yang dibelah mulutnya akan mengikut perangai orang yang membelah mulutnya apabila sudah dewasa nanti.

Masyarakat Cina di Malaysia juga seperti masyarakat-masyarakat lain yang mempunyai adat dan cara hidupnya sendiri. Secara teorinya, dapat kita katakan bahawa adat kaum Cina di Malaysia ialah warisan daripada negara China. Ini memandangkan berlaku proses kemasukan besar-besaran kaum Cina ke Tanah Melayu pada awal abad ke 19 dahulu, kemasukan kaum Cina ke Tanah Melayu ketika itu secara tidak langsung telah membawa sekali segala adat istiadat mereka.

Kaum Cina di Malaysia mempunyai beberapa pegangan dalam menjalankan proses kehidupan mereka, seperti juga lain-lain kaum, masyarakat Cina juga mempunyai adat tentang perkahwinan, kematian, dan sebagainya. Apa yang menarik berkenaan adat kaum Cina ialah suatu bentuk adat dan petua untuk kehidupan yang mereka namakan “Feng Shui”, yang mana pengaruhnya masih menebal dalam kalangan mereka pada hari ini. Lazimnya adat istiadat Cina dipengaruhi oleh unsur Buddha yang menjadi pegangan kebanyakan ahli dalam masyarakat Cina.

Falsafah lampau juga banyak mempengaruhi adat istiadat Cina sehingga menyebabkan mereka mempunyai pelbagai acara-acara dan pantang larang yang berorientasikan adat seperti juga masyarakat majoriti Melayu dan Islam, masyarakat Cina juga mementingkan nasab keluarga dari sebelah lelaki. Nama pangkal seseorang iaitu nama keluarga di dalam masyarakat Cina ialah nama keluarga di sebelah lelaki. Sebagai contoh, nama Prof. Dr. Teo Kok Seong dan Prof. Wang Gunwu, nama pangkal mereka iaitu Teo dan Wang itu ialah nama warisan keluarga ayah mereka yakni nama keluarga sebelah lelaki. Ini merupakan salah satu aspek adat yang menjadi amalan masyarakat Cina. Kaum lelaki Cina juga seperti kebanyakan lelaki bangsa lain, dilantik menjadi ketua keluarga dan merupakan waris utama pusaka keluarga. Kepentingan meneruskan kesinambungan keluarga di dalam masyarakat Cina menyebabkan perkahwinan seorang lelaki di dalam keluarga adalah amat penting. Secara tradisi, perkahwinan tersebut akan mengikuti beberapa upacara yang bermula dengan merisik oleh seorang perantara hingga ke perkahwinan. Namun, pada zaman yang lebih moden ini, hanya pendaftaran menurut undang-undang saja yang diperlukan dan akan diadakan majlis keraian yang mewah di restoran.

Kelahiran anak mengikut adat dan pantang larang Cina ialah sangat penting. Justeru kesihatan si ibu dan kandungannya adalah amat dititik beratkan. Si ibu digalakkkan tidur dan makan dengan baik, membaca buku yang baik dan melihat benda-benda yang cantik. Apabila anak itu dilahirkan, anak itu dibersihkan dan akan dibedung. Pada hari ke 29 kelahiran, rambut si anak dicukur dan rambutnya dibungkus dengan kain merah. Rambut itu akan digantung berdekatan bantalnya selama 100 hari dan kemudian rambut itu dibuang ke sungai. Anak itu diharap akan menjadi berani pada masa hayatnya. Setelah sebulan kelahiran anak itu, upacara Bulan Penuh akan diadakan dengan meriah. Ulang tahun kelahiran seseorang kaum Cina tidak akan diperingati, kecuali diperingati oleh anaknya apabila seseorang itu sudah tua dan ianya akan diadakan secara besar-besaran.

Kematian ibu bapa dalam masyarakat Cina adalah upacara yang amat berharga dan mahal kosnya yang terpaksa ditanggung oleh anak-anak. Keranda yang baik, tanah kuburan yang baik dan pakaian kematian yang bagus pastinya memerlukan belanja besar. Bagi masyarakat Cina inilah hadiah terbaik seorang anak kepada ibu bapanya. Jika si anak tidak mampu, masyarakat sekeliling pasti akan

membantu. Anak lelaki yang tua memainkan peranan utama memastikan upacara mandi, memberi makan, kafan dan bertanggungjawab memasukkan mayat ke dalam keranda seperti yang dinasihatkan oleh seorang tukang tilik. Keranda tersebut akan dijaga hingga beberapa hari tertentu untuk lawatan dan sembahyang seterusnya akan dikebumikan pada satu hari yang ganjil.

Di dalam masyarakat Cina, upacara pengebumian adalah acara yang amat meriah dengan dipenuhi dengan peraturan dan adat tertentu. Selepas pengebumian mayat, akan diadakan pelbagai upacara lain terutama adat pembakaran colok dan alatan yang diperbuat daripada kertas sebagai bekalan hidup si mati di alam akhirat. Upacara ini biasanya akan diketuai oleh seorang Sami yang diamanahkan oleh keluarga si mati. Oleh kerana adat kematian ini dianggap terlalu penting dalam masyarakat Cina, banyak kepercayaan dan pantang larang mesti diperhatikan dan dipatuhi apabila berlaku sesuatu kematian.

Sepanjang tahun dalam kehidupan masyarakat Cina, banyak sekali perayaan yang diikuti dan diraikan oleh orang Cina. Setiap bulan, pasti ada kegiatan dan upacara tertentu serta dewanya yang berlainan untuk dipuja. Adat resam masyarakat Cina amat banyak dan ianya akan diamalkan mengikut perubahan musim pertanian dan negeri China. Antara upacara-upacara yang diraikan masyarakat Cina selain dari Tahun Baru Cina dan Chap Goh Meh ialah adat Ulang Tahun Kematian, adat Puja Kampung, adat Mencuci Kubur, Sembahyang Hajat dan Menjamu Keramat. Adat-adat ini tampak seumpama perbuatan-perbuatan yang menjadi amalan masyarakat Melayu. Namun ianya pastilah berbeza dan dijalankan dengan cara dan matlamat yang berbeza bagi mewujudkan identiti masyarakat Cina yang tersendiri.

Kemasukan masyarakat India ke Tanah Melayu pula sudah berlaku sejak sekian lama. Sama ada kemasukan itu suatu bentuk penghijrahan atau sekadar merantau untuk mencari rezeki, hakikatnya kemasukan ini sudah berlaku sejak sekian lama. Apabila Melaka muncul sebagai pusat perdagangan serantau menjelang abad ke 15, masyarakat India yang terdiri daripada golongan pedagang, sami Buddha dan Hindu, tukang dan sebagainya tidak terlepas pandang untuk memasuki Tanah Melayu dengan pelbagai kepentingan. Kemasukan mereka ini juga sudah pasti membawa bentuk adat istiadat mereka yang tersendiri.

Masyarakat India biasanya mengikuti adat resam yang berteraskan agama Hindu meskipun ramai orang India pada hari ini beragama lain. Seperti kaum-kaum lain di Malaysia, mereka juga mempunyai budaya berkunjung ke rumah rakan dan sanak saudara serta turut bersedia menerima kunjungan dari jiran tetangga. Di dalam masyarakat India, jika kita ingin berkunjung ke rumah tetamu, amatlah digalakkan membawa buah tangan sebagai tanda terima kasih kepada tuan rumah. Mereka juga biasanya melangkah ke dalam rumah dengan kaki kanan dahulu.

Kaum India juga mengamalkan adat bertegur sapa sesama sendiri. Mereka menyapa dengan sebutan ‘vanakam’ dan sentiasa bertanyakan tentang kesihatan, kerja, perniagaan atau sebagainya antara rakan dan sanak saudara mereka. Apabila tetamu bertandang ke rumah mereka, tetamu sentiasa dijamu dengan minuman atau makanan dan tetamu mesti sudi menerima hidangan dengan baik sebagai tanda hormat kepada tuan rumah. Di dalam masyarakat India juga, jika menerima sesuatu, dimestikan menggunakan tangan kanan sebagai tanda kebaikan dan kesyukuran.

Keluarga amat penting dalam masyarakat India. Meskipun bapa memainkan peranan utama tetapi ibu adalah institusi yang paling dihormati dan dianggap mulia, ‘Ibu adalah umpama Tuhan’ dan anak perempuan juga dipanggil ‘amma’ seperti seorang ibu di dalam tradisi India. Oleh itu, penjagaan anak perempuan amat dititik beratkan terutama ketika mereka masih dera. Seorang suami pula di dalam masyarakat India adalah ‘Tuhan bagi isterinya’ dan mesti sentiasa dihormati. Oleh kerana itu, proses perkahwinan India mesti ditentukan oleh seorang ketua agama yang membuat tiliikan masa bertuah serta keserasian pasangan yang akan berkahwin. Masa perkahwinan yang dianggap bertuah amatlah penting bagi menjalankan segala acara dan upacara untuk mengelakkan berlakunya malapetaka ataupun nasib buruk. Untuk mengelakkan dari keadaan buruk, maka biasanya perkahwinan dilakukan pada waktu tengah malam atau waktu matahari akan naik. Upacara perkahwinan dilakukan di rumah pengantin perempuan ataupun di kuil oleh seorang ketua agama. Pada satu kawasan empat segi di kuil itu, sami akan menyalaikan api dan menyembah Tuhan untuk menyaksikan perkahwinan itu.

Seperti juga adat kaum-kaum lain, kelahiran seorang bayi adalah acara yang penting kepada keluarga dan masyarakat India. Semua saudara mara akan dimaklumkan apabila lahirnya seorang bayi. Selama 16 hari selepas kelahiran bayi, ahli keluarga tidak boleh melakukan sebarang upacara agama. Pada hari ke 16 kelahiran, upacara penting diadakan untuk menamakan anak. Ketika ini

rumah dan buaian akan dihias cantik dan jiran-jiran dijemput bersama meraikan upacara tersebut. Dalam aspek pemberian nama anak, nama seorang anak diperolehi dari almanak Hindu mengikuti bintang dan hari kelahirannya. Seorang ketua agama akan dirujuk untuk mencari nama bertuah mengikuti aksara bintangnya. Ketika menamakan itu, bayi dipangku oleh orang tua satu persatu sambil dinyanyikan doa agama oleh kaum wanita mereka.

Dari aspek perayaan, terdapat banyak perayaan di kalangan masyarakat India. Di sepanjang tahun, mengikut kalender Hindu mereka akan mengadakan pelbagai upacara sembahyang berkaitan musim dan perubahan tahun seperti di negeri India. Masyarakat Hindu akan bersembahyang sebanyak tiga kali sehari iaitu pada waktu pagi, tengahari dan petang di tempat tertentu di rumah. Mereka juga pergi ke kuil untuk bersembahyang ataupun mengadakan upacara agama. Perayaan kaum India diadakan dengan mengikuti peredaran bulan dan setiap bulan ditandakan oleh bulan mengembang dan bulan menirus. Terdapat 21 jenis perayaan di dalam adat masyarakat India. Perayaan-perayaan itu termasuklah Deepavali, Thaipusam dan Thaiponggal.

Deepavali ialah ‘perayaan cahaya’ sebagai tanda kejayaan ‘cahaya’ ke atas ‘gelap’ atau ‘ilmu’ ke atas ‘kejahilan’ ataupun ‘keadilan’ mengatasi ‘kezaliman’. Inilah perayaan paling utama bagi masyarakat India. Pada hari ini sembahyang akan diadakan terutama untuk mendoakan roh keluarga yang sudah meninggal dunia. Thaipusam pula adalah perayaan bulan “Thai” untuk membersihkan diri dengan menggunakan susu, madu dan bunga di kuil dan membuat persebahan kepada Dewa Subramaniam. Pada masa perayaan ini diadakan, ‘kavadi’ yang berisi buah-buahan, susu dan akan dibawa pelbagai persebahan. Thaiponggal pula merupakan perayaan menuai dan ‘masak padi baru’ serta ‘memuja semangat padi’. Ia adalah masa yang amat baik untuk mengadakan perkahwinan dan upacara lain. Rumah akan dibersihkan dan dihiasi, ‘ponggal’ pula akan dimasak di dalam periuk baru untuk dipersembahkan kepada Dewa Matahari dan juga disedekahkan kepada jiran tetangga.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Perbicaraan berkaitan adat di Port Dickson dan Negeri Sembilan, bukanlah bagaimana bentuk adat-adat tradisi masyarakat di Negeri Sembilan semata-mata, tetapi kita berusaha untuk melihat bagaimana setiap kaum itu mempunyai adat dan kepercayaannya yang membentuk keunggulan identiti dan keperibadian mereka yang tersendiri. Secara tidak langsung juga di dalam bahagian itu kita telah membincarakan kepentingan adat kepada kaum-kaum tersebut. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas, namun jika diteliti, kita pasti akan memahami akan kepentingan adat-adat itu sekurang-kurangnya sebagai perlambangan identiti dan peribadi masyarakat mereka.

Bercakap berkenaan kehadiran identiti dan keperibadian masyarakat, kita sedia memaklumi bahawa di Port Dickson dan Negeri Sembilan, tidak hanya mempunyai satu bangsa sahaja. Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang bangsa-bangsa di dalamnya adalah bercampur ataupun dalam istilah yang lebih mudah, masyarakat yang majmuk. Justeru apa yang ingin dijadikan topik di sini ialah bagaimana kepelbagaian adat di dalam masyarakat Negeri Sembilan yang membentuk identiti masing-masing ini mampu disatukan dan dijadikan sebagai cerminan peribadi dan identiti kepelbagaian itu secara menyeluruh dan bersifat sepunya. Maknanya kita perlu membincarakan tentang bagaimana kepelbagaian adat di Port Dickson dan Negeri Sembilan itu dapat disatukan dan dijadikan sebagai adat yang satu bagi menjadi lambang keunggulan identiti dan peribadi negeri. Perlu dibincangkan juga ialah apakah aspek teras yang menjadi garis panduan budaya negeri ini. Port Dickson juga perlu jelas identitinya yang banyak berteraskan kepada kelautan. Dalam mengungkap permasalahan ini, kita sebenarnya hanya perlu mencari aspek adat yang menjadi teras kepada pembentukan adat negeri yang menjadi perlambangan identiti dan keperibadian seluruh rakyat Negeri Sembilan dan apakah kepentingan aspek adat itu serta kepentingan identiti dan keperibadian negeri itu sendiri. Aspek adat yang menjadi teras kepada pembentukan keunggulan identiti Port Dickson dan Negeri Sembilan lebih mudah kita fahami melalui pembentukan Dasar Kebudayaan Negeri Sembilan yang patut digubal segera. Dasar ini patut berteraskan dengan kehadiran adat Orang Asal dan juga Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih. Percampuran dengan adat etnik yang lain akan menjadikan ianya sebagai Adat Negeri Sembilan. Namun Port Dickson pula lebih berteraskan Adat Temenggung tapi perjalanan adatnya masih ada persamaan dengan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Melalui pembentukan ini, secara rasmi boleh digariskan beberapa perkara yang menjadi teras kepada pembentukan identiti dan keperibadian seluruh rakyat Port Dickson dan Negeri Sembilan. Justeru melalui kewujudan Dasar Kebudayaan Negeri Sembilan yang memang digagaskan bagi maksud itu, kita akan dapat mengungkap aspek adat yang menjadi teras kepada pembentukan identiti negeri yang menjadi fokus tulisan ini. Antara aspek teras dalam pembentukan identiti dan peribadi negeri ialah identiti dan keperibadian Port Dickson dan Negeri Sembilan haruslah berteraskan adat Orang Asal dan Melayu. Melayu di sini bermaksud Melayu yang ada di Pentas Sunda. Definisi geografi berkaitan ‘Pentas Sunda’ ialah kawasan yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand, Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik iaitu Polynesia, Melanesia, Oceania sehingga ke Madagascar. Pentas ini adalah merupakan bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu. Pentas ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan warisan adat masyarakat Melayu sejak zaman berzaman dan ditandai pula oleh kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa yang juga dipanggil sebagai lingua franca.

Adat serantau ini juga digambarkan melalui persamaan-persamaan di bidang bahasa yang berasaskan keluarga bahasa Melayu iaitu Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah,kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya. Justeru dalam aspek Negeri Sembilan, secara mudahnya, aspek adat yang menjadi teras kepada pembentukan identiti negeri ialah adat masyarakat Orang Asal dan juga Melayu. Kita tidak harus lupakan penerimaan Orang Asal terhadap Melayu ini. Hal ini tidak dapat dipertikaikan oleh masyarakat lain kerana adat atau budaya Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan atas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama. Maka apabila dipersetujui adat masyarakat asal dijadikan identity Port Dickson dan Negeri Sembilan, pastilah di Negeri Sembilan, adat Melayu yang paling layak diletakkan di dalam kategori itu. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim sendiri, walaupun berbangsa Cina, turut mengakui bahawa masyarakat Melayu ialah nukleus ataupun teras dalam masyarakat Malaysia. Justeru adat Melayu dijadikan teras identiti semua kaum di Malaysia adalah sangat berpatutan.

Aspek teras pembentukan identiti yang kedua ialah menggunakan unsur-unsur adat dan kebudayaan luar yang sesuai dan wajar untuk diterima sebagai identiti Port Dickson dan Negeri Sembilan. Aspek ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai adat dan budaya. Dengan itu unsur-unsur adat Cina, India, Kadazandusun, Arab, Barat dan lain-lain unsur adat yang sesuai, boleh diberi pertimbangan untuk diterima dan dijadikan sebagai identiti negeri dan kebangsaan. Kesesuaian penerimaan dalam penyerapan ini adalah bergantung kepada kerelevanannya yang pasti tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan, prinsip-prinsip Rukun Negara, kepentingan negeri dan nasional, asas-asas moral serta kerohanian sejagat pada amnya dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khasnya.

Dalam penerimaan teras kedua ini, kita melihat berlaku tolak ansur sesama kaum di Negeri Sembilan dalam soal pembentukan keunggulan keperibadian dan identiti negeri. Bukan sahaja identiti Orang Asal dan Melayu patut diangkat sebagai identiti negeri, tetapi juga identiti kaum-kaum lain di Negeri Sembilan. Ia juga diterima kerana terdapat unsur-unsur adat yang sama dan seiring dengan adat teras iaitu adat dan kebudayaan Orang Asal dan Melayu. Namun, hal ini juga tidak boleh dijadikan isu sama ada identiti negeri itu orientasinya adalah daripada warisan adat kaum yang mana. Ini kerana pembentukan identiti dan keperibadian negeri itu bukanlah bertujuan untuk mempromosikan adat masing-masing untuk digunakan oleh semua rakyat negeri, sebaliknya ia jelas berperanan untuk menyeragamkan identiti masyarakat yang pelbagai untuk dijadikan identiti negeri yang satu. Namun identiti bangsa juga masih boleh dikekalkan dan dipelihara kelangsungannya.

Aspek ketiga yang menjadi teras kepada pembentukan keperibadian dan identiti negeri ialah agama Islam. Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting didalam proses pengukuhan pembangunan dan perpaduan negeri. Agama juga perlu bagi merealisasikan pembentukan rakyat yang berakhhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal. Kerana itu ia patut dijadikan unsur yang penting dalam pembentukan identiti Negeri Sembilan. Ini juga memandangkan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Di samping itu, telah wujudnya fakta sejarah dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini sejak dahulu lagi.

Bercakap pula tentang kepentingan aspek-aspek adat yang dijadikan teras kepada pembentukan identiti dan keperibadian negeri, aspek teras yang disenaraikan seperti adat Orang Asal, adat masyarakat rantau ini, adat luar yang sesuai dan adat yang berpandukan Islam pasti mempunyai kepentingannya yang tertentu.

Yang pertama, kepentingan adat Orang Asal dan Melayu dijadikan sebagai teras dalam pembentukan identiti Negeri Sembilan ialah untuk memastikan kestabilan sosial dan politik di Negeri Sembilan terus terpelihara. Harus kita fahami apabila kita bercakap berkenaan Negeri Sembilan, majoriti penduduknya ialah orang Melayu. Kerana orang Melayu ialah majoriti di dalam masyarakat Malaysia, adalah penting untuk menjadikan adat kaum yang majoriti sebagai ikutan kepada kaum kaum lain yang lebih kecil populasinya. Ini bagi memastikan tidak berlaku pertikaian kepada masyarakat lain di Malaysia khususnya kepada masyarakat Melayu sendiri sebagai entiti yang terbesar dan bertaraf peribumi di Malaysia. Kedudukan masyarakat Orang Asal dan Melayu yang dianggap *nukleus* di dalam sistem sosial di Malaysia juga merupakan kepentingan yang perlu diambil berat sesuai dengan kedudukan istimewanya yang dijamin Perlembagaan.

Kedudukan Raja-Raja, Yang Dipertua Negeri dan Yang Dipertuan Agong juga merupakan aspek yang penting untuk menjadikan adat Melayu sebagai pemangkin identiti negeri dan nasional. Raja-Raja dan Yang Dipertuan Agong merupakan tuan kepada negeri-negeri dan negara Malaysia sendiri. Mereka juga merupakan orang Melayu. Kedudukan mereka yang menjadi lambang perpaduan negara ini menyebabkan adat istiadat mereka iaitu adat istiadat Melayu diterima sebagai suatu unsur teras dalam melaksanakan identiti Malaysia secara bersama. Justeru untuk memastikan Institusi Raja-Raja Melayu terus dilindungi dan dihormati, maka dalam usaha untuk membentuk identiti dan peribadi kebangsaan, adat Melayu tidak boleh dikesampingkan.

Kita juga harus melihat kepentingan untuk menerima mana-mana unsur adat dan budaya luar untuk dijadikan adat dan budaya negeri. Walaupun telah dipersetujui bahawa adat Orang Asal dan Melayu merupakan adat teras yang dijadikan ikutan setiap rakyat Negeri Sembilan, namun ketetapan itu tidak bermaksud hanya itu sahaja adat yang akan diterima ke arah pembentukan identiti yang seragam dalam masyarakat Negeri Sembilan. Adat dan budaya kaum lain yang sesuai juga dapat diperaktikkan asalkan ianya tidak bertentangan dengan semangat Perlembagaan dan Rukun Negara. Ini bagi memastikan tiada suara-suara yang mempertikaikan tindakan kerajaan yang menggariskan unsur-unsur penting ke arah membentuk budaya negeri. Pendek kata, penerimaan unsur-unsur asing ini ialah supaya keharmonian kaum di Negeri Sembilan akan terus berlangsung dengan jayanya.

Unsur-unsur adat dan budaya luar juga penting untuk dijadikan adat dan budaya Negeri Sembilan kerana bagi menghasilkan budaya negeri yang tidak terlalu stereotaip dengan adat dan budaya Orang Asal dan Melayu, adat lain juga perlu disenaraikan. Budaya Negeri Sembilan harus diwujudkan untuk menunjukkan peribadi dan identiti masyarakat Negeri Sembilan yang pelbagai, bukan hanya untuk melambangkan budaya dan adapt Orang Asal dan Melayu semata-mata. Dengan adanya unsur- unsur yang di luar daripada adat dan budaya Orang Asal dan Melayu yang sesuai, maka akan terhasil suatu modul identiti masyarakat yang pelbagai dan bersifat luwes.

Unsur Islam yang dijadikan teras kebudayaan Negeri Sembilan juga penting bagi menjamin kedudukannya yang merupakan agama rasmi Malaysia. Islam tidak boleh dan tidak dapat disamakan dengan agama-agama lain kerana ia merupakan agama yang sebenar. Maka dalam usaha menerapkan identiti negeri, Islam tidak boleh dikesampingkan. Selain kerana kedudukan Islam sebagai agama rasmi, ia juga penting kerana Islam merupakan tunjang kepada kehidupan masyarakat Melayu iaitu masyarakat peribumi dan majoriti di Negeri Sembilan. Walaupun identiti dan peribadi negeri adalah berteraskan Islam, namun agama-agama lain bebas untuk dilaksanakan dengan syarat amalan agama-agama lain tidak akan menggugat kedudukan agama Islam sebagai agama utama di Malaysia.

Masyarakat Port Dickson dan Negeri Sembilan sudah mempunyai adat yang tersendiri, tetapi kenapa kerajaan masih berkehendak supaya diwujudkan suatu adat dan budaya baru bagi mencerminkan identiti dan keperibadian negeri yang seragam? Adakah dengan budaya dan adat kaum kaum yang sedia ada di Negeri Sembilan tidak cukup untuk mencerminkan identiti negara? Bagi mewujudkan identiti yang seragam seiring dengan kesanggupan pelbagai kaum untuk hidup bersama di Negeri Sembilan, tidak dapat tidak, penyeragaman identiti dan keperibadian negeri ini perlu dilakukan. Antara kepentingan masyarakat Negeri Sembilan disatukan melalui adat dan budaya negeri ialah untuk melahirkan satu cara hidup masyarakat negeri yang mempunyai pelbagai bangsa, agama,

budaya dan bahasa pertuturan tetapi dapat hidup berdampingan, berganding bahu, bertimbang rasa dan penuh dengan sikap toleran. Penyeragaman identiti dan keperibadian berbagai-bagai etnik adalah perlu untuk rakyat Negeri Sembilan hidup bersatu padu dan aman daripada persengketaan serta kucar-kacir. Dalam erti kata yang lain, identiti dan keperibadian yang seragam ini akan membolehkan perpaduan negeri berlangsung dengan lebih utuh lagi.

Identiti dan keperibadian negeri juga berkepentingan untuk menghindarkan masyarakat dari melakukan perkara-perkara yang menyalahi norma-norma dan garis panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Budaya negeri ini penting ke arah melahirkan satu negeri yang maju, progresif, saintifik dan bersatu padu tanpa ada unsur-unsur negatif dalam kehidupan sehari-hari sendiri. Tiga etnik terbesar iaitu Melayu, Cina dan India yang mengamalkan kebudayaan, adat resam, agama dan bahasa masing-masing diharap akan dapat bersatu melalui usaha bersama yang murni ini. Kita tidak harus juga melupakan etnik Orang Asal yang telah banyak berjasa membenarkan etnik lain untuk sama-sama memajukan Negeri Sembilan.

Kebudayaan dan adat ahli masyarakat Port Dickson dan Negeri Sembilan walaupun berbeza, namun mempunyai asas yang sama iaitu membentuk keperibadian dan jati diri individu ke arah yang lebih baik. Melalui usaha membentuk identiti dan keperibadian negeri, ia membolehkan masyarakat negeri kita berinteraksi dengan lebih baik di antara satu sama dalam melaksanakan matlamat yang sama iaitu untuk membentuk masyarakat Negeri Sembilan yang berpegang teguh dengan ajaran agama masing-masing dan mementingkan nilai-nilai murni yang diajar di dalam agama mereka. Interaksi antara kaum ini penting untuk menghindari masyarakat daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan menyalahi norma-norma kehidupan. Interaksi antara kaum yang baik juga adalah merupakan satu jalan ke arah perpaduan negeri dan mencetuskan masyarakat yang harmonis dan bersatu padu.

Budaya yang seragam bagi rakyat di Port Dickson dan Negeri Sembilan juga penting bagi memastikan perancangan dan tindakan kerajaan untuk menerap serta menanam nilai-nilai murni ke dalam akal fikiran, hati budi serta perilaku masyarakat Negeri Sembilan di pelbagai lapisan masyarakat dapat direalisasikan. Amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni yang merupakan perkara penting dalam Dasar Kebudayaan Negeri Sembilan seharusnya ditegaskan sebagai sebahagian dari proses pembangunan identiti untuk mencapai tahap keutuhan peribadi dan perilaku yang mulia dan berbudi bahasa. Maka identiti dan keperibadian negeri ini diharap akan meneguhkan kembali kekuatan peribadi dan jati diri masyarakat.

KESIMPULAN

Kajian ini bermula dengan tajuk utama, abstrak, pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, teori kajian, dapatan kajian, rumusan dan cadangan dan juga kesimpulannya. Semua yang wujud ini harus jelas dan mesti ada perkaitannya. Pembentangannya harus dalam sifat yakin dan faham apa yang hendak dijelaskan. Semuanya harus difahami dengan kental. Semasa pembentangan perlu disulami dengan kreativiti yang menarik supaya khalayak jelas bahawa kita menguasai dengan apa yang dikaji. Jangan diabaikan komunikasi dua hala dengan khalayak kerana itu adalah tarikan penting. Kita tidak semestinya bergantung kepada alat ICT sahaja dan yang paling penting suara jelas dan khalayak faham dengan apa yang diperkatakan. Seterusnya segala tindakan idealisme negeri ini juga adalah suatu usaha untuk membina bangsa Negeri Sembilan melalui semangat Rukun Negara. Perisytiharan Rukun Negara dengan jelas meletakkan negeri dan negara di atas cita-cita perpaduan, kehidupan demokratik, keadilan, tradisi budaya serta masyarakat progresif. Oleh itu, budaya dan identiti seragam ini penting untuk memastikan cita-cita tersebut dapat direalisasikan dengan jayanya. Berbagai usaha telah dijalankan bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan identiti dan keperibadian negeri. Pencapaian matlamat dan objektif hasrat ini telah menunjukkan kejayaan yang boleh dibanggakan. Perlu diingat bahawa di dalam pembentukan dan pewujudan satu kebudayaan negeri, proses penyerapan dan penerimaannya akan mengambil masa yang lama dan mungkin melangkaui satu generasi ke satu generasi yang lain.

Penggubalan dan pelaksanaan dasar ini, meskipun masih lagi baru usianya namun pembentukan identiti negeri dan perpaduan kaum dan nilai murni Islam telah pun dilaksanakan. Adalah didapati bahawa pencapaian ke arah ini telah pun jelas kelihatan semenjak ia mula diterapkan. Identiti kewarganegaraan dan adapt Negeri Sembilan pada hari ini boleh didapati di dalam perayaan-

perayaan antarabangsa dan juga di dalam kegiatan seni sukan dan perayaan pelbagai kaum di Negeri Sembilan dan Malaysia sama ada secara rasmi atau tidak rasmi.

Bolehlah dikatakan aspek adat yang menjadi teras identiti dan keperibadian di Port Dickson dan Negeri Sembilan telah dapat diterima dan diikuti secara beransur-ansur oleh setiap golongan rakyat. Namun demikian pelaksanaannya pasti rumit dan tidak akan dapat dicapai dalam masa yang singkat. Kesedaran dan kefahaman yang luas akan dapat membantu mencapai hasrat dan cita-cita pelaksanaan ini kerana dengan keinsafan itu sahaja adat yang membentuk identiti dan keperibadian negeri akan dapat dibezakan dengan adat yang bersifat kesukuan atau perkauman. Identiti dan keperibadian yang dipupuk itu akan mencirikan sifat-sifat persamaan yang melampaui batas-batas suku kaum dan akan memperlihatkan keperibadian Negeri Sembilan itu sendiri sebagai sebuah negeri yang bermaruah dan tidak dikatakan mengamalkan adat dan budaya Minangkabau sahaja.

Rujukan:

- Abu Chik Mat Sarom. (1962). *Asal Usul Adat Perpatih*. Kuala Pilah: Malay Press.
- Azman Ismail (2001). Teksdealisme-perlu dimatangkan. Diperoleh pada Januari 11, 2013 daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1230&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_02.htm#ixzz2Hgmv2Jh1 © Utusan Melayu (M) Bhd.
- Azman Ismail (2001). *Teori strukturalisme genetik:penerapan terhadap novel-novel Pramoedya Ananta Teor*. Dissertation (M:Malay Stud.) Jabatan Kesusastraan Melayu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Batin Ibrahim Amin. (1982). Salasilah Batin Guntor Ulu Jempol Negeri Sembilan, Turunan Dari Bukit Salai.
- Gullick. J. (1981). *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*. London: Westview Press.
- Hanapi Dollah. (1986). *Asimilasi Budaya: Kajian Kes Komuniti Cina Di Kelantan*. Bangi: UKM.
- Mana Sikana (2012). *Teori sastera kontemporari*. Tg Dot Net Perak: Pustaka Karya. Mana Sikana (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M.Rajantheran & S. Manimaran. (1994). *Perayaan Dan Keraian Orang India*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mohd Rosli Saludin. (2011). *Seri Menanti Tanah Beradat Bermula Di Sini*. Selangor: Crescent News Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman. (1983). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puti Reno Raudha Thaib. (1989). *Peran Adat Dalam Pengembangan Kepariwisataan*. Jakarta: Pustaka Aksara.
- Wan Abd. Kadir Yusoff & Zainal Abidi Borhan. (1985). *Idealogi dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Wan Hashim Wan Teh. 2008. Teori Migrasi dan Asal Usul Ras Melayu dalam Polemik Sejarah Malaysia (jilid 1), Kuala Lumpur: Arkib Negara.